

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
[ BAGAN DATUK ]**

**TARIKH : 6.11.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 26**

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah program ‘*Food Bank Malaysia*’ yang dilaksanakan sejak Ogos 2018 telah membantu dalam mengurangkan pembaziran makanan di dalam negara ini dan berapakah anggaran rakyat Malaysia yang telah menerima manfaat daripada program ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) terus komited dalam mencari kaedah terbaik bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat. Salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan adalah Program Food Bank Malaysia (PFBM). PFBM telah secara rasminya dilancarkan pada 22 Disember 2018 Antara lain, objektif program ini adalah untuk membantu golongan kurang berkemampuan mendapatkan akses bekalan makanan agar dapat meringankan kos sara hidup golongan tersebut, memberikan kesedaran kepada pengguna berkenaan inisiatif zero waste bagi mengelakkan pembaziran makanan, mengurangkan pembaziran makanan yang masih boleh diguna semula dan mewujudkan struktur pengurusan lebihan makanan yang lebih tersusun dan terancang.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Perbadanan Sisa Pepejal Negara (SWCorp), rakyat Malaysia menjana 15,000 tan lebihan makanan setiap hari dan 3,000 tan daripada lebihan makanan tersebut masih selamat untuk dimakan. Sekiranya 3,000 tan makanan tersebut dioptimakan penggunaan maka kuantiti ini boleh dimanfaatkan oleh 2 juta orang rakyat Malaysia yang memerlukan.

Sehingga Ogos 2019, seramai 311,189 ahli isi rumah telah berjaya mendapat manfaat daripada program ini. Secara tidak langsung, ianya telah berjaya menyelamatkan sebanyak 1,701 metrik tan lebihan makanan dan dianggarkan sebanyak RM 8.51 juta nilai lebihan makanan yang berjaya diselamatkan. Selain itu, semenjak 15 Februari 2009 KPDNHEP juga telah melancarkan Program Food Bank Siswa bagi membantu menangani kos sara hidup mahasiswa di Universiti. Sehingga September 2019, sebanyak 4,970 mahasiswa telah mendapat manfaat daripada program ini.